

kecil. Skripsi. Semarang: Universitas Negeri Semarang <http://digilib.unnes.ac.id/gsd/collect/skripsi/archives/HASH01b9/55f8dc7e.dir/doc.pdf> 20.06.2010_13.35

Santrock, J.W. (2008). *Adolescence: Perkembangan Remaja* (edisi ke-12, Penerjemah: Adelar, S.B., & Saragih, S.). Jakarta: Erlangga

Sentanu, E. (2007). *Quantum Ikhlas: Teknologi Aktivasi Kekuatan Hati*. Jakarta: Elex Media Komputindo

Winasih, Y. (2009). *Peningkatan Respon Siswa pada Pembelajaran IPS Melalui Pendekatan Ketrampilan Proses (PTK Pembelajaran IPS di SMP Muhammadiyah 2 Surakarta Kelas VIII B Tahun Ajaran 2008/2009)*. Skripsi. Surakarta: Universitas Muhammadiyah Surakarta <http://www.docstoc.com/docs/22028831/1-Peningkatan-Respon-Siswa-Pada-Pembelajaran-Ips-Melalui> 05.07.2010_19.15.

Yohan Kurniawan (Dr.)

Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah
Universiti Malaysia Kelantan (Kampus Kota),
Karung Berkunci 36,
161000 Kota Bharu, Kelantan. Malaysia
E-mel: yohan@umk.edu.my

Thana Abdullah (Cik)

Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah
Universiti Malaysia Kelantan (Kampus Kota),
Karung Berkunci 36,
161000 Kota Bharu, Kelantan. Malaysia
E-mel: thana@umk.edu.my

Khuzaiton Zakaria (Cik)

Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah
Universiti Malaysia Kelantan (Kampus Kota),
Karung Berkunci 36,
161000 Kota Bharu, Kelantan. Malaysia
E-mel: khuzaiton@umk.edu.my

Wan Mohamad Wan Abdullah (Encik)

Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah
Universiti Malaysia Kelantan (Kampus Kota),
Karung Berkunci 36,
161000 Kota Bharu, Kelantan. Malaysia
E-mel: wanmohamad@umk.edu.my

Jurnal Personalia Pelajar 15 (2012): 23-33

Faktor Risiko dan Pelindung Terhadap Tingkah Laku Seksual dalam Kalangan Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam
(*Role of Risk and Protective Factors in Risky Sexual Behavior Among University Students in Malaysia*)

SITI MARHAMAH KAMARUL ARIFAIN, KHAIDZIR HJ. ISMAIL, HANINA
HALIMATUSAADIAH HAMSAN & ZAKI IBRAHIM

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor risiko dan pelindung yang mempengaruhi tingkah laku seksual pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di Semenanjung Malaysia. Kajian ini juga telah menggunakan enam soal selidik iaitu soal selidik kawalan sendiri, soal selidik Santa Clara Strength of Religious Faith Questionnaire, soal selidik faktor keluarga, soal selidik delikueni rakan sebaya, soal selidik institusi pengajian dan soal selidik komuniti. Seterusnya pengkaji juga menggunakan reka bentuk tinjauan serta teknik persampelan terhadap pelajar IPTA di Semenanjung Malaysia. Kajian ini menggunakan dua kaedah analisis iaitu kaedah analisis deskriptif dalam melihat bilangan pelajar yang pernah melakukan seks dan regresi logistik bagi analisis inferensi. Saiz sampel yang diambil bagi reka bentuk tinjauan adalah seramai 487 pelajar IPTA yang berumur 19 hingga 24 tahun. Hasil kajian bagi analisis deskriptif daripada 487 responden, didapati 28 orang pelajar mengaku pernah melakukan seks. Manakala, bagi hasil kajian analisis regresi logistik pula mendapati kedua-dua pembolehubah pengaruh keluarga tahap tinggi dan pengaruh rakan sebaya tahap tinggi merupakan peramal yang signifikan bagi perlakuan seksual berisiko responden. Pengaruh keluarga merupakan faktor pelindung manakala pengaruh rakan sebaya pula merupakan faktor risiko. Seterusnya pembolehubah lain iaitu kawalan sendiri, keagamaan, institusi pengajian dan komuniti tidak menjadi peramal yang signifikan terhadap tingkah laku seksual. Beberapa cadangan telah diberikan oleh pengkaji untuk membina program-program intervensi sama ada terhadap remaja atau belia mengikut peringkat umur yang sesuai.

Kata kunci: Faktor risiko dan faktor pelindung, tingkah laku seksual, analisis regresi logistik.

ABSTRACT

This study aims to identify risk and protective factors that influence students in Public Institution of Higher Education towards sexual behavior in Peninsular Malaysia. Six questionnaires namely Self-Control Questionnaire, Santa Clara Strength of Religious Faith Questionnaire, Family Factor Questionnaire, Peer Delinquency Questionnaire, Learning Institution Questionnaire and also Community Factor Questionnaire were used. This survey was designed with purposive sampling. Logistic regression analysis was used in this statistical method. This survey was carried out in Public Institution of Higher Education across Peninsular Malaysia with a total of 487 respondents aged between 19 to 24 years. The results finding for logistic regression analysis showed that both variables which a high level of family and peers influence are significant predictor of sexual behavior. Family influence is a protective factor while peer influence is a risky factor. Other variables such as self-control, religion, learning institution and community were not significant predictor of youth sexual behavior. Several recommendations were given such as future studies are expected to develop intervention programs either for teens and youths.

Keywords: Risk and protective factor, sexual behavior, logistic regression analysis.

PENGENALAN

Individu yang memasuki alam perkuliahan selalunya berada pada tahap remaja akhir atau digelar sebagai belia. Kehidupan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan kolej memberikan peluang kepada belia untuk menjadi individu yang berdikari. Pelajar-pelajar kolej atau mahasiswa universiti yang berada dalam posisi belia ini mendapat kebebasan bertindak dan perlu bertanggungjawab dalam pelbagai aspek kehidupan. Antara tanggungjawab ini termasuklah membuat keputusan kerjaya, memilih rakan, membina hubungan intim dengan berlainan jantina, menjaga keselamatan dan kesihatan diri, mengurus masa dan kewangan serta melakukan inisiatif-inisiatif yang menentukan kejayaan masa depan mereka (Sigelman & Rider, 2003). Belia turut berhadapan dengan perkembangan yang pesat dalam segala aspek. Pada peringkat ini umumnya mereka sudah mengembangkan kelakuan seksual dalam bentuk heteroseksual atau percintaan sesama berlainan jantina. Menurut Hurlock (1980), percintaan sesama berlainan jantina dalam kalangan belia ini dipengaruhi oleh tugas perkembangannya dan secara tidak langsung akan mendorong mereka untuk melakukan seks. Mereka juga telah pandai untuk berimajinasi tentang seksual dengan orang lain, orang dalam khayalan atau diri sendiri. Dari sudut psikologi, belia mempunyai keinginan untuk berkenalan dengan lebih mendalam terhadap jantina berlainan. Tersilap langkah mereka akan terjebak dalam aktiviti-aktiviti yang tidak sihat seperti bercinta melalui ekspresi emosi yang keterlaluan, inginkan perhatian yang lebih sehingga menyebabkan perlakuan seksual yang tidak sihat.

Terdapat banyak faktor risiko dan pelindung yang boleh mendorong dan mencegah mereka daripada melakukan seks. McWhirter et. al. (1998) mendefinisikan faktor risiko ialah setiap masyarakat bergantung pada keupayaan warganya untuk menyediakan generasi muda yang dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran yang baik, bertanggungjawab dan dapat menerima pendidikan yang sempurna bagi melangkah ke hadapan sebagai pewaris generasi masa akan datang. Menurutnya lagi, ahli psikologi, pekerja sosial dan kaunselor menggunakan istilah “berisiko” bagi merujuk individu yang mengalami masalah tekanan emosi dan penyesuaian diri. Istilah ini juga merujuk kepada satu set tanggapan tentang kedinamikan sebab dan akibat yang meletakkan kanak-kanak atau remaja dalam keadaan berbahaya dalam menghadapi peristiwa di masa hadapan.

Semua orang adalah berisiko kerana tiada individu yang boleh terlepas daripada masalah dalam

kehidupan. Walau bagaimanapun, tahap risiko adalah bergantung pada umur, tahap perkembangan individu, ciri-ciri peribadi individu, kebolehcapaian sumber persekitaran dan faktor-faktor lain yang memungkinkan kesan negatif pada masa depan.

Manakala faktor pelindung pula, ia masih menjadi perbincangan dalam kalangan penyelidik. Ada yang masih keliru yang manakah faktor risiko dan faktor pelindung. Losel dan Bender (2003) menekankan sesuatu pembolehubah dalam masa yang sama boleh berfungsi sebagai faktor risiko dan faktor pelindung. Sekiranya tahap risiko adalah rendah, bermakna fungsi pembolehubah tersebut sebagai faktor pelindung adalah tinggi. Keadaan ini juga berlaku sebaliknya. Menurut Stouthamer-Loeber (2003) mendakwa tiada satu faktor secara eksklusif mendatangkan kesan pelindung yang mana faktor risiko sentiasa ada secara berterusan. Ini dikukuhkan dengan pendapat McWhirter (1998) dan Hanina (2009) bahawa setiap individu sentiasa terdedah dengan faktor risiko. Namun, yang membezakan seseorang ialah kualiti diri dan persekitaran yang ada yang boleh bertindak sebagai faktor pelindung atau penyederhana terhadap faktor risiko. Oleh sebab kedua-dua faktor ini iaitu faktor risiko dan faktor pelindung ini adalah penting, maka kajian ini akan melihat kepada pembolehubah yang berkaitan sama ada tergolong di dalam faktor risiko atau pelindung terhadap kelakuan seks pelajar IPTA.

Berdasarkan perkara di atas, kajian ini dijalankan dengan objektif khusus iaitu untuk melihat corak tingkah laku seks pelajar IPTA dan mengenal pasti pengaruh faktor risiko dan pelindung terhadap pembolehubah kawalan sendiri, keagamaan, keluarga, rakan sebaya, institusi pengajian dan komuniti dalam meramal tingkah laku seksual berisiko dalam kalangan pelajar di IPTA.

METOD KAJIAN

Pemilihan sampel kajian dilakukan dengan menggunakan teknik persampelan. Agihan kepada 487 orang pelajar telah dipilih mengikut kriteria-kriteria yang ditetapkan seperti kategori umur iaitu pelajar IPTA berumur 19 hingga 24 tahun sahaja. Pengumpulan data ini dijalankan dengan menggunakan borang soal selidik yang ditadbir sendiri. Bagi mengukur tingkah laku seksual, responden akan menjawab soalan “adakah saya pernah melakukan seks”. Manakala soal selidik lain yang digunakan ialah soal selidik kawalan sendiri, soal selidik Santa Clara Strength of Religious Faith Questionnaire, soal selidik faktor keluarga, soal selidik delikueni rakan sebaya, soal selidik institusi pengajian dan soal selidik komuniti. Data kajian ini dianalisis

dengan menggunakan perisian SPSS 16.0.

INSTRUMEN KAJIAN

Bagi mengukur corak tingkah laku seksual pelajar IPTA, responden akan menjawab soalan “adakah saya pernah melakukan seks dalam tempoh tiga bulan ke belakang”. Hanya terdapat dua pilihan jawapan sama ada Ya iaitu pernah melakukan seks atau Tidak iaitu tidak pernah melakukan seks. Skor 1 akan diberikan bagi pelajar yang pernah melakukan seks dan skor 0 bagi pelajar yang tidak pernah melakukan seks. Ini dapat menggambarkan corak tingkah laku seksual pelajar di IPTA.

Pertama, soal selidik kawalan sendiri yang telah diubahsuai daripada kajian lepas Grasmick et. al (1993) yang mempunyai enam item iaitu enam domain untuk mengukur tahap kawalan sendiri responden iaitu pentingkan diri sendiri, suka mengambil risiko, pamarah, selalu cedera, bermasalah dengan peraturan dan matlamat hidup. Soal selidik ini menggunakan skala persetujuan Likert daripada 1= sangat tidak setuju, 2= tidak setuju, 3= setuju dan 4= sangat setuju. Cara pemarkatan adalah semakin tinggi skor, semakin kuat kawalan sendiri yang negatif. Nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach ialah 0.67.

Kedua, bagi soal selidik kawalan keagamaan yang telah diubahsuai daripada Santa Clara Strength of Religious Faith Questionnaire (Plante & Boccaccini, 1997). Soal selidik ini mempunyai 10 item dan menggunakan skala persetujuan Likert daripada 1= sangat tidak setuju, 2= tidak setuju, 3= setuju dan 4= sangat setuju. Semakin tinggi skor yang diperolehi, semakin tinggi tahap kepercayaan kepada agama. Nilai Alpha Cronbach yang didapati ialah 0.82.

Ketiga, soal selidik keluarga pula diukur menggunakan tiga domain yang dibentuk oleh Ungemack, Delaronde dan Cook (2000). Analisis data adalah berdasarkan jawapan responden terhadap soalan “sejauh manakah pernyataan berikut benar mengenai keluarga anda” dalam setiap item bagi pembolehubah berikut. Domain yang terdapat di dalam soal selidik ini ialah komunikasi dan perapatan keluarga, penglibatan positif keluarga dan amalan pengurusan keluarga. Soal selidik ini menggunakan skala persetujuan Likert

daripada 1=sangat tidak setuju, 2=tidak setuju, 3=setuju dan 4=sangat setuju. Nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach instrumen ini ialah 0.71. Semakin tinggi skor, semakin tinggi pengaruh positif keluarga terhadap belia.

Keempat, faktor rakan sebaya diukur berdasarkan tahap delikueni rakan sebaya yang menggunakan skala yang diubahsuai daripada kajian lepas (Khaidzir & Hanina, 2007). Ia menggunakan 22 kategori tingkah laku delinkuen. Kategori jawapan ialah 0 untuk tidak terlibat dan 1 terlibat. Semakin tinggi skor, semakin tinggi tahap pengaruh daripada rakan sebaya. Nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach adalah tinggi iaitu 0.83.

Kelima, faktor institut pengajian ini dikaji dari tiga domain iaitu perapatan di institusi, persekitaran di institusi dan komitmen terhadap institusi. Soal selidik perapatan di institusi yang diubahsuai dan dibentuk oleh Yi et. al (2010) mempunyai 8 item. Skor yang lebih tinggi dianggap sebagai individu yang mempunyai perapatan di institusi yang lebih tinggi. Nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach yang didapati ialah 0.86.

Keenam, faktor komuniti diukur dengan menggunakan soal selidik yang dibentuk melalui kajian lepas oleh Ungemack, Delaronde dan Cook (2000) yang membentuk dua domain iaitu persekitaran kejiranan yang positif dan persepsi terhadap masalah dalam kawasan kejiranan. Persekitaran kejiranan yang positif mempunyai tiga item dan mempunyai darjah persetujuan daripada sangat tidak setuju= 1, tidak setuju= 2, setuju= 3 dan sangat setuju= 4. Manakala persepsi terhadap masalah kawasan kejiranan mempunyai lima item dan mempunyai darjah persetujuan yang sama dengan persekitaran positif. Nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach soal selidik ini ialah 0.81.

Kajian ini menggunakan kaedah analisis deskriptif dalam melihat bilangan pelajar yang pernah melakukan seks manakala kaedah analisis inferensi pula pengkaji menggunakan analisis regresi logistik (logistic regression) untuk mengenal pasti pengaruh faktor risiko dan pelindung terhadap pembolehubah pengaruh kawalan sendiri, keagamaan, keluarga, institusi pengajian, rakan sebaya dan komuniti yang membawa kepada perlakuan seks pelajar di IPTA.

HASIL KAJIAN

Corak Tingkah Laku Seks Pelajar IPTA

JADUAL 1. Pengalaman seks pelajar IPTA

Pengalaman Seks	Jantina	
	Lelaki	Perempuan
Ya	18 orang	10 orang
Tidak	203 orang	256 orang

Merujuk Jadual 1, kajian mendapati daripada 487 orang responden, terdapat 28 responden yang mengaku pernah melakukan seks manakala 459 responden lain tidak pernah melakukan seks.

Pembolehubah Kawalan Kendiri, Keagamaan, Keluarga, Institusi Pengajian, Rakan Sebaya Dan Komuniti Meramal Kepada Tingkah Laku Seksual Sebagai Faktor Risiko Atau Pelindung

Berdasarkan Jadual 2, hasil analisis regresi logistik telah digunakan dengan menjadikan tingkah laku seksual sebagai pembolehubah yang diramal. Pengaruh kawalan sendiri, keagamaan, keluarga, rakan sebaya, institusi pengajian dan komuniti pula dijadikan sebagai pembolehubah peramal. Bagi keenam-enam pembolehubah peramal yang dikaji, pengkaji telah

mengkategorikan setiap pembolehubah kepada dua tahap iaitu tahap tinggi dan tahap rendah dengan menggunakan pengiraan julat. Pengkaji juga telah menggunakan enter method dalam model ini kerana kajian ini bukanlah berbentuk kajian penerokaan (*exploratory research*). Sebanyak 487 kes telah dianalisis dengan menggunakan model ini dan didapati ia dapat meramal tingkah laku seksual berisiko secara signifikan iaitu (Omnibus Chi Square=20.264, dk=7, k<.01 (rujuk Jadual 1). Ini menunjukkan model ini telah mencapai good fit atau boleh dipercayai. Seterusnya, model ini dapat meramal responden yang tidak pernah mengadakan hubungan seks iaitu sebanyak 99.6%, tetapi tidak dapat meramal sebarang responden yang pernah melakukan seks dalam sampel kajian.

JADUAL 2. Model Pekali Omnibus

Langkah 1	Khi Kuasa Dua	dk	K
Model	20.264	7	0.002**

*k<.05, **k<.01

JADUAL 3. Ringkasan hasil regresi logistik bagi pembolehubah yang meramal tingkah laku seksual pelajar IPTA

Model	B	SE	Exp (B)	95% CI	
				Rendah	Tinggi
1 (Constant)	-0.581	1.244	0.559		
Kawalan Kendiri	0.525	0.517	1.691	0.614	4.654
Keagamaan	-0.590	1.141	0.554	0.059	5.183
Keluarga	-1.726	0.576	0.178**	0.058	0.550
Rakan Sebaya	1.270	0.529	3.560*	1.262	10.043
Institusi Pengajian	-0.554	0.614	0.575	0.173	1.913
Komuniti	0.252	0.430	1.286	0.554	2.986

Nota: R2 untuk Model 1 (Nagelkerke R Square)= 0.114

**k<.01, *k<.05

Berdasarkan Jadual 3 pula, sebanyak enam peramal dalam bentuk kategorikal telah dimasukkan. Hasil analisis regresi logistik menunjukkan bahawa model ini mempunyai saiz kesan (*effect size*) yang rendah bagi meramal tingkah laku seksual, di mana ia hanya dapat menjelaskan sebanyak 11.4% daripada nilai varians tingkah laku seksual berdasarkan nilai Nagelkerke R²= 0.114, $\chi^2(7)= 20.264$, k<.01. Dapatan kajian mendapati, kedua-dua pembolehubah pengaruh keluarga tahap tinggi dan pengaruh rakan sebaya tahap tinggi merupakan peramal yang signifikan bagi perlakuan seksual responden. Manakala pembolehubah-pembolehubah yang lain tidak menjadi peramal yang signifikan kerana aras signifikan melebihi 0.05.

Bagi peramal pengaruh keluarga tahap tinggi, nilai nisbah odds (*odds ratio*) adalah kurang daripada 1 iaitu sebanyak 0.178. Nilai ini menggambarkan pembolehubah keluarga dikategorikan sebagai faktor pelindung. Ia menjelaskan sekiranya kategori pengaruh keluarga adalah tinggi, maka nisbah odds berlakunya hubungan seks akan berkurang pada faktor 0.178 (95% CI 0.058 – 0.550). Manakala bagi peramal pengaruh rakan sebaya tahap tinggi, nilai nisbah odds adalah sebanyak 3.560. Nilai ini dapat memberi gambaran pembolehubah rakan sebaya dikategorikan dalam faktor pendorong. Ini dapat dijelaskan apabila kategori

pengaruh rakan sebaya adalah tinggi, maka nisbah odds berlakunya hubungan seks adalah sangat tinggi pada faktor 3.560 (95% CI 1.262 – 10.043).

Pembolehubah kawalan sendiri, keagamaan, pengaruh institusi pengajian dan pengaruh komuniti tidak dapat menjadi peramal kerana aras signifikan adalah melebihi 0.05. Jika dilihat pada Jadual 3, pembolehubah kawalan sendiri dan pengaruh komuniti berkemungkinan dapat digolongkan dalam faktor pendorong kerana masing-masing mempunyai nilai nisbah odds melebihi 1. Namun, ia tidak dapat memberikan apa-apa gambaran kerana ia tidak signifikan. Begitu juga dengan pembolehubah keagamaan dan pengaruh institusi pengajian yang berkemungkinan menjadi faktor pelindung kerana nilai nisbah odds masing-masing adalah kurang daripada satu.

Kesimpulannya, hanya terdapat dua pembolehubah sahaja yang dapat menjadi peramal dalam perlakuan seksual iaitu pembolehubah pengaruh keluarga sebagai faktor pelindung dan pembolehubah pengaruh rakan sebaya sebagai faktor pendorong. Berdasarkan Jadual 3, persamaan regresi logistik bagi model yang telah dibincangkan boleh dibentuk seperti berikut:

$$P(Y) = \frac{1}{1 + e^{-[-0.581 + (0.525 * \text{Kawalan Kendiri Tinggi}) + (-0.590 * \text{Keagamaan Tinggi}) + (-1.726 * \text{Pengaruh Keluarga Tinggi}) + (1.270 * \text{Pengaruh Rakan Sebaya Tinggi}) + (-0.554 * \text{Pengaruh Institut Pengajian Tinggi}) + (0.252 * \text{Pengaruh Komuniti Tinggi})]}$$

PERBINCANGAN

Keputusan kajian ini menunjukkan hasil yang signifikan bagi pembolehubah pengaruh keluarga iaitu sebagai faktor pelindung dan pengaruh rakan sebaya pula sebagai faktor risiko. Hal ini dapat dijelaskan dengan lebih terperinci seperti berikut.

Pengaruh Keluarga

Faktor keluarga merupakan faktor pelindung yang signifikan. Kajian ini telah membuktikan bahawa keluarga merupakan faktor pelindung dalam penglibatan pelajar di IPTA terhadap tingkah laku seksual. Dapatan kajian ini yang mendapati pengaruh keluarga sebagai faktor pelindung adalah selari dengan kajian oleh Yi et. al, 2010; Lee & Kato, 2006; Borawski et. al, 2003; Elizabeth, Taylor, Homma, & Ogilvie, 2008; Henke, Stolz & Barber, 2011; Lee Phaik Gaik et. al, 2010 serta Fadil Awaludin, 2010 yang mendapati faktor keluarga merupakan faktor pelindung dalam meramal tingkah

laku seksual. Hal ini dapat membuktikan keluarga adalah pelindung yang paling kuat kepada pelajar di IPTA dalam mengelakkan mereka terlibat dalam tingkah laku seksual. Menurut pengkaji, kebanyakan pelajar IPTA dalam kajian ini terdiri daripada keluarga yang kurang berisiko. Ini kerana keluarga mereka boleh memainkan peranan sebagai pelindung kepada individu daripada terlibat dengan tingkah laku seks. Hal ini disebabkan pegangan nilai-nilai kekeluargaan dan tanggungjawab dalam menjaga maruah keluarga menyebabkan mereka lebih berhati-hati dalam bertingkah laku. Malah pemantauan dan sikap mengambil berat daripada ahli keluarga terhadap pelajar di IPTA ini menyebabkan mereka berfikir beberapa kali sebelum mencuba sesuatu yang berisiko, dalam konteks kajian ini adalah tingkah laku seks. Shaffer (2005) juga menjelaskan keluarga menjadi faktor pelindung apabila terdapat komunikasi yang berkesan dan perapatan antara ahli keluarga yang diekspresikan melalui sikap bertanggungjawab terhadap ahli keluarga. Tambahan lagi, hubungan kekeluargaan yang baik dan stabil turut menghindarkan pelajar

daripada terlibat dengan aktiviti yang tidak bermoral. Hal ini kerana mereka mempunyai peluang dan tempat untuk meluahkan perasaan dan tekanan yang dihadapi dengan cara yang betul. Mereka juga turut mendapat sokongan emosi dan pendapat daripada ahli keluarga. Ini menghindarkan mereka daripada mengekspresikan tekanan dengan cara yang salah. Kajian oleh Yi et al. (2010) juga menjelaskan keharmonian keluarga dan komunikasi yang betul mengurangkan kadar terjebak dengan rakan sebaya dalam tingkah laku devian.

Pengaruh Rakan Sebaya

Keputusan daripada analisis regresi logistik mendapati pemboleh ubah rakan sebaya merupakan faktor risiko dalam meramal tingkah laku seksual pelajar di IPTA. Rakan sebaya didapati sebagai pendorong paling kuat terhadap kelakuan seksual pelajar di IPTA. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian-kajian yang dilakukan oleh Yi et. al, 2010; Lee & Kato, 2006; Cleveland et. al, 2008, di mana dapatan kajian mereka turut menunjukkan rakan sebaya sebagai peramal kepada tingkah laku seksual pelajar di institusi pengajian tinggi. Pengkaji berpendapat, keadaan ini dapat dijelaskan berdasarkan kepada tekanan yang diberikan oleh rakan sebaya. Contohnya perlu mengikuti aktiviti yang dilakukan oleh ahli-ahli lain dalam kumpulan yang dianggotai termasuklah terlibat dengan pergaulan bebas, berparti liar dan mengambil bahan. Keadaan ini menyebabkan mereka cenderung untuk terlibat dengan tingkah laku seks. Malah mereka juga turut dicabar dan dipaksa untuk melakukannya. Seterusnya menyebabkan mereka turut terlibat dengan kancah seks bebas ini selepas mencubanya atau melakukannya sekali (Yi et. al, 2010; Fadil Awaludin, 2010). Pelajar di IPTA ini juga berkemungkinan melakukan sesuatu yang mereka tidak pernah melakukan sebelumnya supaya diri mereka tidak dilabelkan sebagai “ketinggalan zaman” termasuklah juga dalam melakukan aktiviti tidak bermoral seperti perlakuan seks bebas (Fadil Awaludin, 2010). Pandangan ini juga dapat dijelaskan berdasarkan kepada teori yang diutarakan oleh Bronfenbrenner (dlm Shaffer & Kipp, 2010) yang menjelaskan rakan sebaya boleh mempengaruhi individu daripada pelbagai aspek dengan cara saling dipengaruhi dan mempengaruhi dalam pembentukan sikap dan personaliti pelajar ini. Keadaan ini menjelaskan rakan sebaya mempengaruhi tingkah laku pelajar di IPTA. Begitu juga dengan pandangan Rosenberg (1965) menyatakan persahabatan melibatkan unsur peribadi. Ini bermakna rakan sebaya boleh mempengaruhi dalam pembentukan peribadi seseorang termasuk juga kepada sesuatu yang negatif seperti melakukan aktiviti seksual. Malah pengaruh

rakan sebaya menyebabkan mereka bebas daripada kongkongan keluarga yang terlalu rigid dalam pengawalan tingkah laku pelajar di IPTA ini. Menurut pengkaji lagi, pengaruh rakan sebaya yang berkawan secara berkumpulan turut menyebabkan mereka lebih terjebak dalam kancah seksual berisiko. Hal ini kerana pelajar di IPTA ramai terlibat dalam aktiviti secara berkumpulan dan mereka cenderung untuk menuruti norma dan pendapat majoriti ahli kumpulan. Keadaan ini boleh membawa mereka melakukan sesuatu yang baru dan menyeronokkan bersama-sama ahli kumpulan.

Pengaruh Kawalan Kendiri

Hasil analisis regresi logistik mendapati faktor kawalan sendiri sebagai faktor risiko, namun begitu ia bukan peramal yang signifikan. Hasil kajian ini adalah bertentangan dengan kajian yang dilakukan oleh Voisin et. al 2006; Brown, DiClemente & Park, 1992 yang mendapati bahawa kawalan sendiri luaran memberi pengaruh yang besar kepada perlakuan seksual yang berisiko berbanding dengan kawalan sendiri dalaman. Hal ini mungkin berlaku kerana keinginan individu yang lebih dipengaruhi oleh persekitaran individu itu sendiri untuk melakukan seksual dan keadaan ini juga menunjukkan lokus kawalan atau kawalan sendiri kurang memainkan peranan dalam tingkah laku seksual seseorang individu. Perkara ini dapat dijelaskan berdasarkan teori lokus kawalan Rotter (1971) yang membezakan antara dua jenis sifat manusia iaitu secara dalaman dan luaran. Individu yang mempunyai lokus kawalan dalaman cenderung menganggap dirinya mampu mengawal peristiwa manakala individu yang mempunyai lokus kawalan luaran pula, meletakkan peristiwa hidup kepada persekitaran luaran dan tidak mampu mengawalinya. Ini menunjukkan tingkah laku seksual seseorang itu tidak semestinya dipengaruhi oleh lokus kawalan. Pandangan ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Alves dan Lopes (2010) yang menyatakan remaja atau belia yang mempunyai kawalan sendiri tinggi tapi masih terlibat dengan tingkah laku seksual. Perlakuan ini juga mungkin dipengaruhi oleh faktor lain seperti pengaruh rakan sebaya yang sangat kuat dan persekitaran yang merangsang perlakuan seks seperti suasana komuniti dan tempat belajar (Alves & Lopes, 2010).

Pengaruh Keagamaan

Faktor keagamaan merupakan faktor pelindung, namun begitu ia bukan peramal yang signifikan berdasarkan keputusan daripada hasil analisis regresi logistik. Hasil kajian ini bertentangan dengan kajian yang dilakukan

oleh Hirshi, 1969; Henke, Stolz & Barber, 2011; Smith & Denton, 2005; Wallace & William, 1997 yang menunjukkan faktor agama merupakan faktor pelindung yang signifikan. Dapatan ini menjelaskan individu yang beragama dan yang terlibat dengan aktiviti keagamaan kurang terlibat dengan seks bebas. Malah mereka turut menjelaskan individu yang mempunyai pegangan agama yang kuat mempunyai kawalan diri yang kuat dan mengurangkan keterlibatan mereka dalam tingkah laku seksual. Manakala Wallace dan William (1997) pula menjelaskan faktor keagamaan sepatutnya memberikan impak yang positif kepada kefungsi pelajar di IPTA. Namun berdasarkan kepada perbincangan terhadap faktor agama, didapati faktor agama dalam kalangan pelajar di IPTA yang terlibat dalam kajian ini tidak menjadi faktor pelindung. Pengkaji berpendapat, hal ini disebabkan pelajaran keagamaan kurang dipraktikkan dalam kehidupan harian dan mereka kurang mempunyai kawalan dalaman (kerohanian) yang menyebabkan mereka lebih cenderung dan mementingkan keseronokan semata-mata. Tambahan pula, hal ini dapat menggambarkan individu yang beragama juga terlibat dengan tingkah laku seksual. Ia dapat memberi konotasi negatif dan ia berlaku disebabkan faktor luaran seperti pengaruh persekitaran. Contohnya, persekitaran pelajar IPTA yang berhampiran dengan pusat bandar yang terdedah dengan gejala-gejala tidak sihat seperti lepak di pusat hiburan dan berparti. Pengaruh persekitaran ini memberikan impak yang paling besar dalam diri individu. Walaupun pelajar-pelajar mempunyai kawalan sendiri yang kuat juga menjadi goyah dan terjebak. Pengaruh rakan sebaya daripada pelbagai latar belakang turut mempengaruhi mereka. Seterusnya perasaan ingin mencuba sesuatu yang baru dan mencabar menyebabkan mereka terlibat dengan tingkah laku seksual.

Pengaruh Institusi Pengajian

Hasil kajian ini mendapati bahawa institusi pengajian merupakan faktor pelindung namun ia bukan peramal yang signifikan. Ia bertentangan dengan dapatan kajian oleh Elizabeth et. al, 2008; Cleveland et. al, 2008; Brady, 2006 yang mendapati institusi pengajian merupakan faktor pelindung terhadap belia akhir yang dapat mengelakkan mereka terjebak dengan gejala sosial seperti perlakuan seks tidak sihat. Menurut pengkaji, hal ini berlaku kerana kepadatan jadual pembelajaran dan aktiviti kokurikulum yang terlalu banyak menyebabkan pelajar-pelajar di institusi terikat dengan pelbagai sistem seperti peraturan AUKU dan peraturan kolej yang mengawal tingkah laku pelajar di IPTA. Selain itu, mereka terlibat dengan pelbagai aktiviti yang

wajib disertai oleh semua pelajar terutamanya pada tahun pertama pengajian. Keadaan ini menyebabkan pergerakan dan aktiviti sosial pelajar menjadi terhad. Pandangan ini sejajar dengan Brady (2008) yang menyatakan kehidupan sebagai pelajar tahun pertama amat sibuk memandangkan mereka dipaksa untuk menyertai banyak aktiviti kokurikulum sebagai kredit pada mereka. Seterusnya, terdapat pelajar di IPTA yang terlalu sibuk dengan kokurikulum sehingga berhadapan dengan masalah pembelajaran. Ini sejajar dengan kajian Norulhuda Sarnon & Khaidzir Ismail, 1997; Siti Rahayu Ahmadan & Khaidzir Ismail, 2008 yang menyatakan masalah ponteng sekolah/kuliah boleh dikaitkan dengan penyesuaian terhadap kerja sekolah/kuliah. Selain itu, didapati masalah tugas kuliah paling menyumbang kepada permasalahan belia dan ini berlaku disebabkan oleh masalah beradaptasi dengan tugas yang diberikan dan kaedah pembelajaran. Walaupun institusi pengajian ini memberi pendedahan kepada pelajar dalam aktiviti kokurikulum dan kaedah pembelajaran yang berbeza daripada persekolahan, namun secara tidak langsung mereka turut mempelajari cara untuk berdaya saing dan beradaptasi dengan budaya sosial di institusi. Kegagalan untuk beradaptasi juga akan membawa kepada kelakuan yang tidak sihat iaitu salah satunya adalah terlibat dengan perlakuan seksual. Tambahan, pelajar yang mampu berdaya saing selalunya tidak akan mempunyai masalah dalam pelajaran mahu pun kokurikulum (Voisin et. al 2008).

Pengaruh Komuniti

Faktor komuniti tidak menjadi peramal dalam meramal tingkah laku seksual pelajar di IPTA walaupun faktor ia merupakan faktor risiko kepada tingkah laku seksual. Dapatan kajian ini bertentangan dengan dapatan kajian Voisin et. al, 2008; Shrier & Crosby, 2003; Brady, 2006; Cleveland et. al, 2008; Yi et. al, 2010 yang menyatakan pendedahan dalam keganasan komuniti merupakan faktor risiko yang mempunyai kaitan dalam penyalahgunaan dadah dan perlakuan seksual belia. Pengkaji berpendapat, keadaan ini berlaku apabila belia yang dapat menyambung pengajian ke peringkat tertinggi terpaksa hidup di luar lingkungan keluarga. Mereka memulakan kehidupan baru iaitu menetap di tempat tinggal yang baru. Mereka akan tinggal sama ada di asrama atau rumah sewa dan cabaran bermula bagi pelajar di IPTA yang baru pertama kali berhijrah daripada tempat kelahiran asalnya. Persekitaran kawasan perumahan amat mempengaruhi mereka secara langsung atau tidak dan jiran amat memberi impak yang penting dalam diri individu. Jiran yang baik dan prihatin dapat mengurangkan keterlibatan mereka

kepada gejala yang tidak sihat. Jiran yang mengambil berat persekitaran akan selalu menegur anak muda daripada melakukan kesalahan seperti membawa masuk dan keluar sesuka hati pasangan dalam rumah sewa mereka. Namun, kenyataan ini bertentangan dengan dapatan kajian Voisin et. al (2008) menyatakan bahawa belia yang terdedah dengan keganasan dalam komuniti dan komuniti yang tidak prihatin akan meningkatkan kebarangkalian terjebak dalam aktiviti yang tidak sihat. Kebanyakan pelajar di IPTA dalam kajian ini berkemungkinan hidup di dalam persekitaran komuniti yang positif.

CADANGAN

Kajian ini mengharapkan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak bagi membendung masalah perlakuan seksual tidak sihat pelajar di IPTA. Kajian ini juga menyarankan kepada ibu bapa supaya mengambil berat tentang perkembangan anak mereka supaya dapat mengelakkan gangguan dalam kekeliruan peranan. Ibu bapa perlulah banyak membuat pembacaan dalam pengurusan anak supaya tiada gangguan dalam perkembangan mental, emosi mahu pun sosial dari kanak-kanak sehingga remaja dan dewasa. Ibu bapa perlu lebih berwaspada ketika anak-anak dalam zaman remaja kerana pada masa ini mereka sedang mencari identiti sendiri dan memerlukan sokongan daripada orang terhampir. Justeru itu, hubungan kerja yang baik serta kerjasama yang erat antara ibu bapa dengan para profesional merupakan langkah penting bagi membendung masalah belia. Pengkaji berpendapat kanak-kanak akan belajar dan mencapai kemajuan dengan lebih baik jika ibu bapa dan ahli-ahli profesional berusaha bersama-sama. Editorial (2008) juga menyatakan penglibatan kumpulan penjagaan kesihatan perlu peka kepada keperluan belia. Komunikasi dalam kumpulan juga amat penting bagi mengelakkan kelakuan seksual tidak sihat. Kumpulan ini terdiri daripada ahli klinikal, pembantu perubatan, ahli farmasi dan individu yang paling hampir dengan belia.

Pihak sekolah juga perlu mengambil inisiatif dalam membuat perubahan dalam Kurikulum Pendidikan Bersepadu yang dilaksanakan di peringkat negeri dan tempatan. Ini termasuklah memperkenalkan atau mengubah suai kelas pendidikan seks di sekolah. Jabatan Pelajaran Negeri telah berusaha untuk menambah bahan-bahan berkaitan yang mendedahkan risiko penglibatan seks pada usia muda yang disesuaikan mengikut peringkat umur (Fatimah Abdullah 2010). Ia adalah satu usaha untuk mengurangkan kelakuan seks bebas dalam kalangan remaja dari peringkat

sekolah lagi. Apabila pendidikan ini diterapkan di sekolah, kecenderungan untuk melakukan seks apabila menjadi belia di IPT sangat kurang. Dewasa ini, kerajaan Malaysia telah mengambil langkah dengan mewujudkan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Seksual (PEERS) yang diajar secara berasingan tanpa menumpang subjek lain. Ia diwujudkan bagi mengelakkan kekeliruan berhubung istilah pendidikan seks yang memberi konotasi negatif dan terhad dalam kalangan masyarakat. "PEERS merangkumi aspek nilai, sikap dan proses sepanjang hayat mencakupi 75 peratus daripada kokurikulum pendidikan kesihatan. (Berita Harian 2010 7 Dis).

Di samping itu, kerajaan Malaysia perlu mengambil langkah dengan mendekati pelajar di IPTA dengan memberikan kaunseling serta program latihan. Mereka perlulah diberi sokongan sosial dan bantuan kewangan untuk menampung kehidupannya di institusi pengajian. Dengan bantuan seperti ini, mereka akan berasa masa depan yang cerah dan mampu untuk berjaya bagi menebus kesilapan silam mereka. Ini selaras dengan intervensi yang dijalankan di Sweden yang banyak dipengaruhi pandangan kemanusiaan tentang dasar sosial yang bertujuan untuk memberikan setiap orang peluang untuk belajar tanpa mengira tempat tinggal, latar belakang sosial, gender atau umur (Fatimah Abdullah 2010).

Seterusnya dalam masalah perhubungan dan batas pergaulan perlu diberi pendidikan rakan sebaya dan mentoring yang memfokuskan program penghargaan sendiri yang rendah, emosi yang tidak stabil dan sebagainya. Program ini boleh dimulakan di sekolah dengan memasukkan maklumat dan andaian bahawa maklumat yang diperolehi rakan sebaya akan mempunyai impak yang besar berbanding dengan maklumat yang diberikan oleh pentadbir (Fatimah Abdullah 2010). Program ini mungkin dapat memberikan faedah apabila remaja memasuki alam perkuliahan.

Di dalam komuniti pula, setiap individu harus menggembleng tenaga dalam menganjur pelbagai kempen tentang bagaimana untuk berhubungan dengan pelajar di IPTA yang telah terlanjur. Ia mungkin boleh melibatkan interaksi malah melalui media dan kempen kesedaran awam. Kempen-kempen ini boleh melibatkan komuniti dan juga orang awam melalui persidangan, papan iklan, talian bebas tol, iklan di radio dan televisyen. Ketua dalam sesuatu komuniti perlulah memberi peluang kepada belia-belia di IPTA menyalurkan aktiviti dengan cara yang betul dengan menyediakan tempat khas untuk belia bagi menggalakkan perbincangan, berfikir kritis dan pada masa yang sama mampu mengelakkan gejala yang

negatif seperti perlakuan seks bebas.

Pelajar di IPTA mestilah peka dengan keperluan diri sendiri. Walaupun mereka sudah duduk di luar lingkungan kekeluargaan dan kurang mendapat sokongan keluarga, namun tidak semestinya keluarga tidak sayang pada mereka. Cara mengatasi masalah diri sendiri ini juga boleh dilakukan dengan menganjurkan kempen nilai menahan diri daripada terjerumus dengan aktiviti seksual sehinggalah bernikah secara sah. Kempen ini telah dijalankan di Malaysia melalui program Youth Abstinence Walk 2007 untuk membantu golongan muda berurusan dengan individu, keluarga dan kepentingan menjaga diri. Mereka diberi peluang untuk bersoal jawab tentang implikasi seks sebelum nikah, hubungan sihat dan kesannya pada risiko HIV/AIDS (Fatimah Abdullah 2010). Menurut Nik Azis Nik Pa (1998) terdapat empat kekuatan asas untuk membantu remaja menjalani kehidupan iaitu kekuatan akidah, kekuatan ilmu, kekuatan akhlak dan kekuatan ekonomi. Perlaksanaan sesuatu program yang mengandungi keempat-empat kekuatan ini akan memberi impak positif dan menyebabkan penghijrahan jiwa remaja ke arah kebaikan. Kajian ini juga turut dilakukan Khairil Anwar dan Khaidzir Hj Ismail (2009) yang menerapkan isu psikologi Islam sama ada dalam bentuk kegiatan mahu pun secara pemikiran dan menawarkan epistemologi psikologi Islam dengan cara mentransformasikan ideologi, budaya dan sosial yang bersumberkan Al-Quran dan Hadith yang berdasarkan kepada lima domain iaitu ilmu ketauhidan, hukum Islam, konsep pengetahuan Islam, sejarah Islam dan etika Islam.

KESIMPULAN

Dapatan kajian ini penting bagi belia terutamanya yang sedang menuntut di IPTA. Kajian ini telah memberikan beberapa dapatan terhadap aspek kehidupan iaitu; pertama, pendidikan seks amat penting dimulakan dari peringkat sekolah lagi. Ini dilakukan supaya mereka mempunyai kesedaran tentang kesan perlakuan seksual. Para guru dan ibu bapa juga perlu bertanggungjawab dalam menjelaskan kekeliruan dan kegusaran yang bermain di minda anak-anak. Kedua, ahli keluarga juga perlu memainkan peranan penting dalam mengekalkan keutuhan dalam sesebuah keluarga. Baik didikan yang diterima, cemerlanglah akhlak anak mereka. Ketiga, pengaruh rakan sebaya juga dipercayai boleh mendorong kepada perlakuan yang tidak baik, maka pelajar IPTA mestilah bijak dalam memilih rakan dan membuat keputusan bagi mengelakkan perkara yang batil. Keempat, komuniti yang sihat juga mampu melahirkan generasi yang cemerlang dari segi akademik mahu pun

akhlak. Oleh itu, keseluruhan kajian ini mendapati pendidikan yang diberikan oleh ibu bapa atau keluarga dan memilih rakan sebaya adalah penting. Elemen ini penting bagi mengelakkan berlakunya kejadian yang tidak diinginkan. Akhir sekali, mencegah adalah lebih baik daripada merawat.

RUJUKAN

- Alves, A.S., & Lopes, M.H.B.M. 2010. Locus of control and contraceptive knowledge, attitude and practice among university students. *Journal of Rev Saude Publica*. 44(1): 39-44
- Berita Harian. 2010. <http://YusufUltraman.Com/2010/12/Pendidikan-Seks-Guna-Istilah-Pendidikan-Kesihatan-Reproduktif-Dan-Sosial-Peers>.
- Blum, R.W, & Mmari. 2005. Risk and protective factors affecting adolescent reproductive health in developing countries. World Health Organization (WHO) and John Hopkins Bloomberg School of Public Health 2005.
- Borawski, E. A., Ievers-Landis, C.E., Lovegreen, L.D., & Trapl E.S. 2003. Parental monitoring, negotiated unsupervised time and parental trust: the role of perceived parenting practices in adolescent health risk behaviors. *Journal of Adolescent Health*. 33: 60-70.
- Brady, S.S. 2006. Lifetime community violence exposure and health risk behavior among young adults in college. *Journal of Adolescent Health*. 39: 610-613.
- Bronfenbrenner, U. 1979. *The ecology of human development: experiments by nature and design*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Brown, L.K., DiClemente, R.J & Park, T. 1992. Predictors of condom use in sexually active adolescents. *Journal of Adolescent Health*. 13: 651-657.
- Cleveland, M. J., Feinberg, M. E., Bontempo, D. E., & Greenberg, M. T. 2008. The role of risk and protective factors in substance use across adolescent. *Journal of Adolescent Health*. 43: 157-164.
- Editorial. 2008. The lost years: the challenge of delivering reproductive health care to young adults. *Journal of Contraception*. 78: 1-3.
- Elizabeth, M.S., Taylor, D., Homma, Y., Ogilvie, G. 2008. Trends in sexual health and risk behaviours among adolescent students in British Columbia. *Journal of Human Sexuality*. 17(1): 1-13.

- Ezhar Tamam, Jusang Bulong, Fadzil Imran Ismail, Zamre Yaakob & Mohd Rezal Hamzah. 2007. Faktor penglibatan remaja daripada keluarga berpendapatan rendah di bandar dan masalah sosial. 1-18.
- Fadil Bin Awaludin. 2010. Gaya asuhan ibu bapa dan pengaruh rakan sebaya: hubungannya dengan tingkah laku devian remaja yang menetap di projek perumahan rakyat Kuala Lumpur. Tesis Ijazah Sarjana Sains Sosial (Pembangunan Manusia). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fatimah Abdullah. 2010. Senario kehamilan anak luar nikah di Malaysia dan kes di PPUKM. Seminar Penjagaan Golongan Berkeperluan Khas (Wanita dan Remaja). Anjuran Institut Sosial Malaysia dan Kumpulan Penyelidik UKM. Sungai Besi: 25 Februari 2010.
- Grasmick, H. G., Tittle, C. R., Bursik Jr, R. J. & Arneklev, B. J. 1993. Testing the core empirical implications of Gottfredson and Hirschi's General Theory of Crime. *Journal of Research in Crime and Delinquency* 30, 5-29.
- Henke, T.M., Stolz, H.E., & Barber, B.K. 2011. Adolescent religiosity and perceptions of parenting: relationship with adolescent antisocial behaviour and prosocial behavior. *Journal of Family Science Review*, 16(2): 44-58.
- Hirschi, T. 1969. Causes of delinquency. Berkeley: University of California Press.
- Hurlock, E.B. 1980. Adolescent development. Ed ke-3. New York: McGraw-Hill.
- Khairil Anwar & Khaidzir Hj Ismail. 2009. Epistemologi pengukuran dalam psikologi Islam: satu kajian pengukuran mental kognitif Islam. International Conference on Social Sciences and Humanities (ICOSH). Anjuran Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Bangi, 2-3 Disember.
- Khaidzir Hj. Ismail & Hanna Halimatusaadiah. 2006. Laporan akhir Kajian Profil Belia D a d a h Selangor. INMIND.
- Le, T.N., & Kato, T. 2006. The role of peer, parent and culture in risky sexual behavior for Cambodian and Lao/Mien adolescent. *Journal of Adolescent Health*. 38: 288- 296.
- Lee Phaik Gaik, Maria Chong Abdullah & Habibah Elias. 2010. Development of antisocial behavior. *Journal of Procedia Social and Behavioral Sciences*, 7 (C): 383-388.
- Losel, F. & Bender, D. 2003. Early prevention of adult antisocial behaviour. Cambridge, Cambridge University Press.
- McWhirter, J., McWhirter, B., McWhirter, A & McWhirter, E. 1998. At Risk Youth: A Comprehensive Response. Second Edition. USA: Brooks/Cole Publishing Company.
- Nik Azis Nik Pa. 1998. Menangani masalah sosial di kalangan remaja. *Jurnal Kebajikan Masyarakat* 20(2): 1-12.
- Norulhuda Sarnon dan Khaidzir bin Hj. Ismail. 2002. Ponteng sekolah dan profil EQ remaja. *Jurnal Psikologi dan Pembangunan Manusia*, 18: 119-132.
- Plante, T.G. & Boccaccini, M. 1997. The Santa Clara Strength of Religious Faith Questionnaire. *Pastoral Psychology*, 45, 375-38.
- Rotter, J. B. 1971. External control and internal control. *Psychology Today*. June: 42.
- Rosenberg, M. 1965. Society and the adolescent self-image. Princeton: Princeton University Press.
- Stouthamer-Loeber, M., Loeber, R., Wei, E., Farrington, D. and Wikstrom, P. 2002. "Risk and promotive effects in the explanation of persistent serious delinquency in boys", *Journal of Consulting and Clinical Psychology*, 70 (1): 111-123.
- Sigelman, C. K. & Rider, E. A. 2003. Life-span human development, (4th ed.), Wadsworth, Singapore.
- Siti Rahayu Ahmadan & Khaidzir Hj. Ismail. 2008. Remaja dan masalahnya mengikut MPCL (Mooney Problem Check-List). *Jurnal Personalita Pelajar*, 11:155-177.
- Shaffer, D. R & Kipp, K. 2010. Developmental psychology: childhood and adolescent. Ed . Ke-8. USA: Wadsworth Cengage Learning.
- Shrier, L.A., & Crosby, R. 2003. Correlates of sexual experience among nationally representative sample of alternative high school students. *Journal of School Health*. 73(5): 197-200.
- Smith, C., & Denton, M.L. 2005. Soul searching: the religious and spiritual lives of American teenagers. New York: Oxford.
- Thornberry, T.P, Krohn, M.D, Lizotte, A.J dan Chard-Wierschme. 1993. The role of juvenile gangs and in facilitating delinquent behaviour. *Journal of Research in Crime and Delinquency*. 30: 55-87.
- Ungemack, J.S., Delaronde, S., & Cook, M.J., 2000. Connecticut 1997 Substance Abuse Prevention Needs Assessment Student Survey Report.
- Voisin, D.R, Neilands, T.B, Salazar, L.F, Crosby, R & DiClemente, R.J. 2008. Pathways to drug and sexual risk behaviours among detained adolescent. *Journal of Social Work Research*. 32(3): 147-157.

- Wallace, J.M., & Williams, D.R. 1997. Religion and adolescent health-compromising behavior. Cambridge: University Press UK.
- Yi, S., Poudel, K.C., Yasouka, J., Palmer, P.H., Yi, S., & Jimba, M. 2010. Role of risk and protective factors in risky sexual behavior among high school students in Cambodia. *Journal of BioMed Central*. 10: 447-454.

Siti Marhamah Kamarul Arifain (Cik)
Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia,
Universiti Kebangsaan Malaysia
E-mel: sitimarhamah88@gmail.com

Khaidzir Hj. Ismail (Prof. Madya Dr.)
Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia,
Universiti Kebangsaan Malaysia
E-mel: izay@ukm.my

Hanina Halimatusaadiah Hamsan (Dr.)
Jabatan Sosial dan Sains Perkembangan,
Fakulti Ekologi Manusia,
Universiti Putra Malaysia
E-mel: hanina@putra.upm.edu.my

Zaki Ibrahim (En.)
UKM Pakar Runding Sdn. Bhd,
Universiti Kebangsaan Malaysia
E-mel: zaki414@gmail.com